



www.mbjb.gov.my

LenSa

Bandar Raya JB

LENSA BIL . 3 / 2017

MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI



LAWATAN DUTA AS KE SUDUT AMERIKA, PSI



➤ **KEMBARA MAHKOTA JOHOR**



➤ **KEJOHANAN TINJU PIALA
DATUK BANDAR**



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi

MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU



DIREKTORI MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
Peti Surat 232, 80720 Johor Bahru, Johor

Telefon Am 07-219 8000
Faksimile 07-223 0619
SMS Aduan 019-778 8212
Talian Aduan Awam 1-300-88-0146
Laman Web www.mbjb.gov.my
info@mbjb.gov.my

KANDUNGAN

- 3 BELASUNGKAWA
- 4 LAWATAN DUTA AMERIKA SYARIKAT KE PSI
- 5 MAJLIS ANUGERAH 5 BINTANG SSR-PBT
- 6 MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI : BERAYA CARA JB
- 8 DIARI LAWATAN
- 9 DIARI KURSUS
- 10 PROGRAM JUMPA & SAPA BERSAMA DATUK BANDAR
- 12 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
- 13 SEMINAR ARBORIKULTUR
- 14 KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2017
- 16 PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 RISALAH AL – AZHAR
- 19 OPS 999 TV3 BERSAMA MBBJ
- 20 KEJOHANAN TINJU PIALA DATUK BANDAR
- 21 FOKUS LENSA
- 22 MBBJ SANA SINI

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Sidek bin Paiman
Setiausaha

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

AHLI-AHLI

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

LENSA BANDARAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda.

Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada : Unit Korporat & Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain - lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbitan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

* Belasungkawa *



Al - Fatimah

**Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahman bin
Mohamed Dewam merupakan mantan
Datuk Bandar Johor Bahru ke-9,
telah kembali ke rahmatullah
pada 1 September 2017.**

LAWATAN DUTA AMERIKA SYARIKAT KE SUDUT AMERIKA DI PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL (PSI)

31 JULAI 2017 - Perpustakaan Sultan Ismail (PSI) telah menerima kunjungan hormat daripada Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur yang diketuai oleh Duta Besar Amerika Syarikat (AS), Kamala Shirin Lakhdir. Kunjungan hormat kedutaan AS ini bertujuan melihat perkembangan Sudut Amerika (dulu dikenali sebagai Sudut Lincoln) di PSI yang telah beroperasi sejak April 2012. Selain itu, kunjungan hormat ini juga bertujuan mengeratkan hubungan dua hala antara Majlis Bandaraya Johor Bahru dan kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur.

Semasa kunjungan ini, Sudut Amerika sedang melaksanakan program berkaitan '*MakerSpace*' bersama-sama dengan pelajar SMK Putri Wangsa. Duta Besar AS telah diberikan penerangan tentang pengoperasian Sudut Amerika dan program *MakerSpace* yang dijalankan. *MakerSpace* adalah salah satu produk teknologi reka cipta yang telah diperkembangkan oleh kedutaan AS kepada perpustakaan bagi membantu peningkatan daya kreativiti dan inovasi pengguna.

Pada masa yang sama, Duta Besar AS juga beramah mesra bersama pelajar-pelajar dan bertanyakan tentang perkembangan pendidikan mereka dan budaya-budaya tempatan yang berkaitan dengan Johor. Di akhir kunjungan ini, Duta Besar AS menandatangani buku lawatan rasmi perpustakaan dan menerima cenderamata daripada YM Tengku Tarmizi bin T. Aziz, Pustakawan Perpustakaan Sultan Ismail.



MAJLIS ANUGERAH 5 BINTANG SSR-PBT

KUALA LUMPUR, 17 JULAI 2017 -

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menambah satu lagi koleksi pengiktirafan 5 bintang (cemerlang) dalam Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) 2016 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia yang telah berlangsung di Dewan Taklimat, Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Penyampaian sijil AKKP 2016 telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa.

Pengiktirafan 5 bintang (cemerlang) ini diperolehi selepas Inspektorat Keselamatan Perlindungan yang membuat lawatan pada 2016 di MBJB, yang telah dinilai dari aspek keselamatan fizikal bangunan pejabat, keselamatan dokumen, dokumen peribadi dan keselamatan *ICT*.



Penilaian inspektorat ini telah meletakkan MBJB di kedudukan terbaik dalam kalangan pihak berkuasa tempatan seluruh Malaysia.

Namun, disarankan agar MBJB tidak sentiasa duduk dalam zon selesa. Hal ini demikian kerana satu pemeriksaan susulan dijangka akan dilakukan bagi memastikan aspek-aspek keselamatan perlindungan di MBJB sentiasa berada pada tahap memuaskan dan terus mengekalkan reputasi yang cemerlang.

BERAYA CARA JB: TEMA BAHARU AIDILFITRI MBB

JOHOR BAHRU, 21 JULAI 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) meraikan Syawal kali ini dengan mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri MBBJ : Beraya Cara JB bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Program berkonsepkan *potluck* ini dilaksanakan dengan kerjasama lebih 50 agensi kerajaan dan swasta.


Pelbagai jenis juadah hari raya termasuk makanan tradisi Johor disajikan kepada orang ramai dengan sasaran kehadiran seramai 15,000 pengunjung ke program tersebut bermula jam 7.30 malam dan berakhir pada jam 11.00 malam.



MAJLIS RUMAH TERBUKA JB 2017

Sambil menikmati pelbagai juadah yang disediakan, pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan daripada artis jemputan iaitu Amira Othman dan Irfan Haris diiringi Orkestra MJB serta persembahan tarian kebudayaan.

Kemudahan perkhidmatan *Shuttle* Bus secara percuma dengan kerjasama Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) turut disediakan kepada orang ramai yang berkunjung ke program ini. Perkhidmatan *Shuttle* Bus ini bermula seawal jam 6.00 petang sehingga 12 tengah malam. Selain itu, orang ramai juga boleh menggunakan perkhidmatan sedia ada, Bas Muafakat Johor yang dilanjutkan perkhidmatannya pada hari tersebut sehingga jam 12.00 tengah malam.



DIARI LAWATAN



Lawatan ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) – 4 Ogos 2017



1

Lawatan dari Perbadanan Putrajaya – 9 Ogos 2017

2



Lawatan Inspektorat Audit Keselamatan – 20 Ogos 2017

3



Lawatan ke Laman Seni Kluang – 24 Ogos 2017

4



Lawatan dari Majlis Perbandaran Langkawi – 14 September 2017

5



Lawatan Panel KPKT Bagi Anugerah Tandas Bersih 19 hingga 20 September 2017

6



DIARI KURSUS

1. Kursus Pengurusan Aset Alih

Tarikh: 9 Julai 2017 – 10 Julai 2017

Objektif :

Memberi pendedahan menyeluruh dan meningkatkan pengetahuan berkenaan penggunaan Aset Alih Kerajaan Berpandukan Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.



2. Kursus Pengurusan Stor

Tarikh: 11 Julai 2017

Objektif:

Mengurus stor dengan lebih berkesan dan memenuhi keperluan jabatan di samping mengetahui cara membezakan stok atau barang-barang stor, harta modal dan inventori.



3. Kursus Imej, Etika dan Keterampilan Diri

Tarikh : 23 Julai 2017 - 24 Julai 2017

Objektif:

Mengetahui kesan langsung imej individu terhadap reputasi organisasi dan menganalisis imej dan ciri-ciri profesional yang perlu ditambahbaik.



4. Kursus Pengurusan Projek Pembinaan dan Perpaipan

Tarikh : 6 Ogos 2017 – 7 Ogos 2017

Objektif:

Memberi penerangan mengenai definisi dan ciri-ciri sesebuah projek pembinaan dan perpaipan.



5. Kursus Keselamatan Perlindungan Bangunan

Tarikh : 13 Ogos 2017 – 14 Ogos 2017

Objektif :

Mendedahkan peserta mengenai risiko dan bahaya yang terdapat di sesebuah bangunan komersial dan mempelajari langkah keselamatan yang harus diambil sekiranya berlaku kecemasan



6. Kursus Pengurusan Stres

Tarikh : 20 Ogos 2017 – 21 Ogos 2017

Objektif :

Memahami definisi stres, jenis-jenis stres dan membuat analisis tentang gejala-gejala dan punca yang menyebabkan stres dan menghuraikan kesan stres ke atas kesejahteraan tubuh badan termasuk fizikal, mental dan emosi.



7. Kursus Penyeliaan Berkesan

Tarikh : 17 September 2017 – 18 September 2017

Objektif :

Meningkatkan kemahiran pengurusan penyeliaan dan memahami kaedah pelaksanaan tugas yang betul dan menanam nilai dan ciri dinamik penyeliaan dalam diri peserta bagi pengalaman di tempat kerja.



8. Kursus Akauntabiliti dan Pengurusan Kewangan

Tarikh : 19 September 2017 – 20 September 2017

Objektif :

Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman mengenai akauntabiliti kewangan dan kawalan dalaman dan meningkatkan kefahaman mengenai undang-undang dan prosedur serta arahan kewangan.

'JUMPA & SAPA' BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

Sesi Ramah Mesra Dengan Warga Bandar

25 OGOS 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Best FM berkesempatan mengadakan sesi Town Hall melalui penganjuran program 'Jumpa & Sapa' bersama Datuk Bandar Johor Bahru, Haji A. Rahim bin Haji Nin sempena ulang tahun kedua perkhidmatannya sebagai Datuk Bandar Johor Bahru yang telah genap pada tarikh 17 Ogos lalu.

Program bertemakan 'Mendekati Suara Hati Warga JB' tersebut berlangsung selama dua hari bermula jam 10 pagi hingga 10 malam di Atrium Angsana Johor Bahru Mall. Penganjuran program ini merupakan kesinambungan daripada program *Town Hall* sempena 1 tahun Datuk Bandar yang telah diadakan pada 21 Ogos 2016.

Signifikan program ini dianjurkan adalah sebagai simbolik kepada kepimpinan Datuk Bandar ke-10 dalam tempoh dua tahun perkhidmatannya di samping menjadi wadah untuk merapatkan hubungan antara warga kerja MBJB bersama warga bandar raya Johor Bahru. Selain itu, pelaksanaan program ini diharapkan dapat menjalinkan permuafakatan dan persefahaman antara kaum sempena bulan kemerdekaan Malaysia kali ke-60.



SAMA DATUK BANDAR BAHRU

Datuk Bandar Mendekati Raya Johor Bahru

Seramai 1,000 jempunan menghadiri program ini termasuklah Ahli-Ahli Majlis MBBB, warga kerja MBBB, Jawatankuasa Penduduk, pegawai agensi kerajaan dan swasta, pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka dan warga bandar raya Johor Bahru.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan buat pengunjung yang hadir seperti pameran agensi kerajaan, pertandingan mewarna dan melukis bagi kanak-kanak, sesi bercerita 'Kamishibai', Pertandingan Sayembara Deklamasi Puisi Kategori Sekolah Menengah, persembahan *busker* dan lain-lain.

Pada sebelah malam, pengunjung yang hadir dihiburkan dengan persembahan Pentas Best FM: Terima Kasih Johor dengan penampilan artis seperti Akim & The Majistret, Hazama, Wany Hasrita, Haqiem Rusli dan ramai lagi. Kemuncak program ini iaitu pada hari terakhir, berlangsungnya sesi ramah mesra Datuk Bandar Johor Bahru bersama pengunjung yang hadir. Turut menampilkan hos undangan popular, DJ Fiza dari radio Best FM.



MBJB RANGKUL ANUGERAH

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2017 PERINGKAT NEGERI JOHOR

31 OGOS 2017 - Bagi sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, kontinjen perbarisan MBBJ telah memenangi dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori yang pertama ialah Johan Perbarisan Terbaik Peringkat Negeri 2017 bagi kategori daerah, dan kategori kedua ialah, Tempat Ketiga Sepanduk Terbaik Peringkat Negeri 2017.

Seramai 33 anggota telah menyertai acara perbarisan dan perarakan tersebut sehingga berjaya membawa pulang kemenangan yang mengangkat nama MBBJ di peringkat negeri. Tahniah kontinjen!



SEMINAR ARBORIKULTUR PERANCANGAN & PENGURUSAN POKOK AMENITI



10 – 12 JULAI 2017 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Seminar Arborikultur Perancangan dan Pengurusan Pokok Ameniti bertempat di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru.

Seminar ini menyasarkan 200 peserta yang terdiri daripada wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia, Arkitek Landskap Profesional dan pihak kontraktor yang bakal membuat kerja-kerja cantasan dalam kawasan MBBJ.

Kursus ini diadakan berdasarkan tiga kategori iaitu:

Kategori 1 : Perancangan - sasaran terdiri daripada mereka yang terlibat dalam proses mereka bentuk dengan menggunakan pokok (Perunding/ Arkitek Landskap)

Kategori 2 : Pengurusan - sasaran terdiri daripada mereka yang terlibat dalam mengurus dan menyelenggara aset hidup PBT (PBT/ Agensi Kerajaan Swasta)

Kategori 3 : Tree Workers / Kontraktor - sasaran terdiri daripada mereka yang bekerja di lapangan untuk menyelenggara pokok (Kontraktor/ Business Owner)

Pada hari terakhir seminar, telah diadakan juga lawatan lapangan ke empat lokasi di sekitar Johor Bahru yang semakin menjadi ikonik kepada negeri Johor kini iaitu Country Garden – perbandaran pertama di atas tanah tambak 'reclaim island' di Johor Bahru, Senibong Cove – perumahan eksklusif di pinggir air, Forest City – bandar baru di atas tambakan lautan dan lawatan ke Johor Premium Outlet di bandar Kulai.

Penganjuran seminar ini dapat membuka peluang untuk jalinan silaturahim (networking) antara PBT yang terlibat secara langsung. Perkara ini membolehkan sesi perkongsian pandangan dan ilmu disampaikan secara formal dan tidak formal bagi membuka ruang untuk penambahbaikan pengurusan landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru pada masa akan datang selain dapat mempromosikan PBT ini sebagai destinasi pelancongan dan pembelajaran.



MAJLIS PELEPASAN KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2017

JOHOR BAHRU, 9 SEPTEMBER 2017 – Seperti tahun sebelumnya, Majlis Pelepasan KMJ kali ke-20 ini bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan dihadiri warga bandar raya yang teruja menyaksikan sendiri penglibatan Kerabat Diraja secara lebih dekat. KMJ kali ini mempamerkan keunikan tersendiri apabila DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan memandu kereta antik beroda tiga berwarna hijau pucuk pisang jenis Morgan keluaran Britain menjelajah ke 10 buah daerah Johor selama empat hari untuk bertemu rakyat jelata. Dalam siri jelajah kali ini, sebanyak sembilan buah kereta antik jenis Morgan digunakan dan diiringi 30 buah motosikal berkuasa tinggi.

Baginda berangkat tiba di lokasi pelepasan kira-kira jam 8.20 pagi diiringi Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam, Tunku Tun Aminah dan suami, Dennis Muhammad Abdullah. Sebelum memulakan perjalanan ke destinasi pertama, iaitu Kampung Pasir Gudang Baru, Sultan Ibrahim turut berkenan menyempurnakan gimik pelepasan.

Turut berangkat ialah, anakanda Sultan Ibrahim iaitu Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Selain itu Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Dato' Abdul Rahim Ramli, barisan Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kerajaan turut hadir memeriahkan KMJ 2017.



SIRI JELAJAH KMJ 2017 BERAKHIR DI HUTAN BANDAR PUTRA



KEMBARA MAHKOTA JOHOR (KMJ) 2017 BERAKHIR DI HUTAN BANDAR PUTRA

KULAI, 12 SEPTEMBER 2017 – Setelah empat hari siri jelajah baginda Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar bersama rombongan mendekati rakyat di negeri ini, Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2017 akhirnya melabuhkan tirainya di Hutan Bandar Putra. Keberangkatan tiba Sultan Johor dan rombongan pada pukul 4 petang disambut ribuan pengunjung sebagai tanda sokongan atas usaha murni seorang sultan berjiwa rakyat untuk mendekati rakyat dalam sebuah majlis penutupan rasmi KMJ 2017 pada tahun ini.

Turut hadir menyambut kepulangan baginda ialah Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli, wakil rasmi Menteri Besar, Datuk Md. Jais Sarday yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, barisan Exco Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan.



September will mark the

since its inception 16 years ago.



Program 'Give and Take' di Zon Mount Austin
Tarikh: 1 Julai 2017

1



Majlis Sambutan Hari Raya Seri Austin 1C
Tarikh: 7 Julai 2017

2



Sambutan Hari Raya Zon Kempas di
Persiaran Selasih
Tarikh: 15 Julai 2017

8



Sambutan Hari Raya Zon Tampoi di Jalan
Nona
Tarikh: 15 Julai 2017

7

PROGRAM ZON AH



Rumah Terbuka Parlimen Pulai di Dewan
Tan Sri Mohamad Rahmat
Tarikh: 16 Julai 2017

9



Program Gotong-Royong di Jalan Marwan
Majidi Park
Tarikh: 22 Julai 2017

10



Program Gotong-Royong Denggi di Zon
Desa Cemerlang
Tarikh: 13 Ogos 2017

16



Program 'Search & Destroy' (SND) Zon
Tampoi di Jalan Dato Esa
Tarikh: 13 Ogos 2017

15



Sambutan Hari Raya Zon Bakar Batu di Perumahan EDL
Tarikh: 14 Julai 2017

3



Majlis Sambutan Hari Raya Zon Setia Indah
Tarikh: 14 Julai 2017

4



Program Eko Famili SND Zon Taman Molek di RP Laman Tasik Pandan
Tarikh: 15 Julai 2017

6



Sambutan Hari Raya Zon Larkin di RP Larkin
Tarikh: 14 Julai 2017

5

LIMA MAJLIS & LA 21



Majlis Sambutan Hari Raya dan Perasmian Komuniti Berkawal di Zon Kebun Teh
Tarikh: 29 Julai 2017

11



Program 'River Care' Zon Taman Molek di Laman Tasik Pandan
Tarikh: 30 Julai 2017

12



Program Gotong-Royong Sekolah Zon Taman Pelangi di SK Sri Tebrau
Tarikh: 12 Ogos 2017

14



Sambutan Hari Raya Zon Taman Rinting di SK Taman Rinting 2
Tarikh: 30 Julai 2017

13

UKHUWAH

Allah SWT berfirman maksudnya, "Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara, sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah SWT supaya kamu mendapat rahmat." (Surah Al-Hujurat, 49:10)

Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya:

"Perumpamaan kaum mukminin satu dengan yang lainnya dalam hal saling mencintai, saling menyayangi dan saling berlemah-lembut di antara mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota badan sakit, maka semua anggota badannya juga merasa demam dan tidak dapat lena."

Apabila ini yang menjadi kewajiban ke atas kaum muslimin, maka ukhuwah ini mewajibkan mereka saling memenuhi hak satu dengan yang lainnya. Antara hak tersebut ialah:

MENCINTAINYA KERANA ALLAH SWT

Iaitu tanpa membezakan nasab di antara mereka, juga tanpa egoisme yang membawa mereka kepada sifat tidak baik, akan tetapi kerana Allah SWT semata-mata. Nabi Muhammad SAW bersabda,

" Tidak (sempurna) iman salah seorang di antara kamu sehingga dia mencintai saudaranya seperti mencintai dirinya sendiri."

Nabi SAW juga bersabda yang bermaksud: "Ada 3 perkara, barang siapa yang berada padanya ia akan merasakan manisnya iman, pertama: hendaklah Allah SWT dan Rasulullah SAW lebih dia cintai daripada selainnya; kedua: dia mencintai seseorang semata-mata kerana Allah SWT; ketiga: dia enggan untuk kembali kepada kekafiran setelah diselamatkan oleh Allah SWT sebagaimana dia juga enggan untuk dilemparkan ke dalam api neraka."

MENDAMAIKAN MEREKA

Apabila ada perselisihan dan perpecahan di antara mereka, maka kewajiban seorang muslim adalah mendamaikannya. Allah SWT berfirman, maksudnya:

"Oleh sebab itu, bertakwalah kepada SWT dan perbaikilah hubungan antara kamu, dan taatlah kepada Allah SWT dan Rasul-Nya jika kamu adalah orang-orang yang beriman." (Surah Al-Anfal, 8: 1)

Nabi Muhammad SAW menganggap perbuatan mendamaikan kaum muslimin sebagai sedekah, maka kewajiban mereka iaitu jika ada perselisihan atau perpecahan di antara mereka, seharusnya mereka damaikan dan luruskan perselisihan tersebut dengan adil, sehingga ukhuwah kembali terjalin di antara mereka.

JUJUR DALAM BERMUAMALAT

Hendaklah mereka bermuamalat dengan jujur, tidak berdusta, tidak berkhianat dan tidak menipu dalam jual beli atau apa-apa urusan. Hendaklah muamalat jual beli tersebut dilakukan atas dasar niat yang baik, tanpa menutupi aib yang ada pada barang yang dijual dan tanpa berbohong dalam harganya. Kejujuran adalah keselamatan. Nabi SAW bersabda iaitu:

" Apabila dua orang muslim bermuamalat jual beli, maka ada khayar (hak memilih) bagi keduanya. Jika keduanya jujur dan berterusterang, maka keduanya akan mendapat barakah dari jual belinya, dan jika keduanya berdusta dan menyembunyikan, maka barakah akan dihilangkan dari jual belinya."

MENDOAKAN KEPADANYA KEBAIKAN

Mendoakannya dengan maghfirah, agar diberi kemaslahatan dunia dan agama. Allah SWT berfirman:

"Dan mohonlah keampunan bagi dosamu dan bagi (dosa) orang-orang mukmin, lelaki dan perempuan." (Surah Muhammad, 47: 19)

Nabi SAW bersabda yang ertinya, "Hak muslim satu dengan yang lainnya ada enam, iaitu apabila engkau bertemu dengannya, berilah salam kepadanya; apabila dia mengundangmu, penuhilah undangannya; apabila dia meminta nasihat daripada kamu, maka nasihatilah; apabila dia bersin dan mengucapkan alhamdulillah, maka doakanlah; apabila dia sakit, maka jenguklah; dan apabila dia meninggal dunia, maka iringilah jenazahnya."



OPERASI 999 TV3 BERSAMA MBBJ

30 JULAI 2017 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama kru penerbitan rancangan 999 TV3 telah melaksanakan operasi khas terhadap premis yang berselindung menjual peralatan seks di sebalik nama kedai cenderamata. Premis tersebut juga didapati mempamerkan papan iklan yang kurang sopan bertempat di pusat beli-belah Holiday Plaza Johor Bahru. Operasi tersebut dilakukan kira-kira jam 3 petang dengan melibatkan anggota dari Jabatan Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, MBBJ.



Hasil daripada siasatan, didapati terdapat enam buah premis yang menjual barang-barang seks dan cenderahati. Daripada enam premis yang terlibat, hanya sebuah premis didapati tidak berlesen.

Pemerhatian di lokasi aduan pula, hanya dua buah premis sahaja yang beroperasi, manakala empat buah premis yang lain didapati tidak beroperasi. Operasi tamat pada jam 6.45 petang.

KEJOHANAN TINJU PIALA DATUK BANDAR



22 - 23 SEPTEMBER 2017

- Bertempat di Atrium JOTIC Johor Bahru, berlangsungnya Kejuhanan Tinju Piala Datuk Bandar bermula jam 3.00 petang hingga 6.00 petang kategori (Amatur Fight) dan pada 23 September 2017, jam 12 tengah hari hingga 3 petang (Amatur Fight) dan peringkat akhir pada jam 7.30 petang hingga 11.30 malam (*Pro Fight*). Kejuhanan ini diadakan dengan kerjasama dari FH Promotion (Malaysia), Majlis Sukan Negeri Johor dan Tourism Johor.

Kejuhanan ini turut dihadiri oleh YAM Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah ibni Sultan Ibrahim Ismail selaku tetamu kehormat yang menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi kategori Pro Fight. Turut hadir ialah Datuk Bandar Johor Bahru dan Exco Pelancongan yang menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi kategori *Amatur Fight*.

Kejuhanan ini turut disertai oleh peninju dari seberang iaitu Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina dan Malaysia (Johor dan Pulau Pinang). Sejumlah 40 peninju mengambil bahagian dalam kejuhanan ini dan sebanyak 28 *bout* perlawanan dilangsungkan mengikut kategori. Undang-undang pertandingan adalah berdasarkan (WBC ASIA) Majlis Tinju Dunia.



MBJB KE UDARA DALAM SLOT KHAS 'LENSA MBBJ' DI JOHOR FM

Bermula pada September 2017,

- MBBJ bersiaran secara langsung dalam slot khas 'Lensa MBBJ' pada setiap Khamis minggu pertama dan ketiga pada jam 11.30 pagi di konti radio Johor FM. Slot khas berdurasi 30 minit itu membincangkan isu semasa, perkhidmatan yang ditawarkan MBBJ serta promosi aktiviti MBBJ untuk diuarakan kepada para pendengar khususnya warga bandar raya Johor Bahru. Ia selaras dengan hasrat MBBJ dalam usaha menyampai dan menyebarkan maklumat yang lengkap, tepat dan terkini kepada orang ramai.

Kronologi siaran:

✦ **7 September 2017** – Siaran bermula bersama mantan Datuk Bandar, Haji A. Rahim bin Haji Nin sebagai tetamu khas di konti radio dan memperihalkan pengenalan dan seterusnya pengisian yang telah disusun bagi memenuhi slot khas Lensa MBBJ ini. Slot ini membincangkan serba sedikit mengenai fungsi dan peranan jabatan dan bahagian dalam MBBJ terhadap bidang tugas masing-masing serta perkhidmatan yang ditawarkan, di samping promosi aktiviti terkini yang dilaksanakan MBBJ kepada para pendengar.

✦ **21 September 2017** – Siaran bersama Pengarah Jabatan Landskap merangkap Timbalan Setiausaha MBBJ, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad yang membincangkan hal berkenaan peranan dan promosi lokasi berserta landskap menarik yang boleh dikunjungi di Johor Bahru.



MAJLIS PELANTIKAN & ANGKAT SUMPAAH AHLI MAJLIS BAHARU MBBJ

25 September 2017 - Sekitar Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis baharu MBBJ, Tuan Haji Alaodin bin Abd Hamed di hadapan Datuk Bandar Johor Bahru. Turut hadir ialah Ketua WHIP, Timbalan Ketua WHIP, Timbalan Setiausaha MBBJ dan ramai lagi. Tahniah diucapkan!



MBJB SA



1. Majlis Penutup Pesta Gawai di Pasar Borneo
Tarikh: 8 Julai 2017



2. Program Solat Hajat dan Asmaul Husna
Tarikh: 20 Julai 2017



8. Program Qurban dan Aqiqah Peringkat MBBJ
Tarikh: 4 September 2017



7. Majlis Pecah Tanah Pusat Latihan Wushu di Taman Johor Jaya
Tarikh: 25 Ogos 2017



9. Majlis Meraikan Kemenangan JDJ, Juara Bertahan Piala Liga Super Kali Ke-4
Tarikh: 20 September 2017



10. Majlis Pelancaran Kejohanan Hoki Piala Sultan Johor di Persada Johor
Tarikh: 25 September 2017

NA - SINI



3. Majlis Muafakat Aidilfitri di Rumah Kelab Media Johor
Tarikh: 22 Julai 2017



4. Majlis Meraikan Bakal Haji Parlimen Johor Bahru di Dewan Stulang Baru
Tarikh: 30 Julai 2017



6. Majlis Pelancaran 'Johor Future'
di Bazar JB
Tarikh: 5 Ogos 2017



5. 'Flag Off' Rombongan Kelab Media Johor ke Krabi di KM 0
Tarikh: 30 Julai 2017



11. Majlis Dialog Polis Bersama Komuniti Taman Setia Indah di Dewan Nibong
Tarikh: 25 September 2017

**MISI
PERKHIDMATAN
PELANGGAN MBBJ**

**Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra
Kepada Pelanggan**



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn,
80720 Johor Bahru, Johor.
E-mel: info@mbjb.gov.my
No.Tel: 07-219 8000 Faksimile: 07-223 0619
Talian Bebas Tol: 1-300-88-0146
WhatsApp Aduan: 019-778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536



9 772462 153006